

16/05/2003

Program ekonomi bagi 103,000 keluarga peneroka dirangka

HULU TERENGGANU: Unit Penyelidikan dan Pembangunan Felda (Fardu) yang akan merangka program pembangunan sosial dan ekonomi bagi 103,000 keluarga peneroka di seluruh negara akan mula beroperasi 1 Jun ini.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Yusof Noor, berkata Fardu adalah rancangan pengukuhan Felda untuk menjadikan pembangunan Felda 50 tahun akan datang, lebih baik.

Katanya, Fardu yang ditempatkan di ibu pejabat Felda, Jalan Semarak di Kuala Lumpur akan disertai mereka yang berpengalaman luas dalam merencana pelbagai pelan pembangunan masyarakat Felda.

"Objektif utama Fardu ialah untuk membentuk satu mekanisme utama dalam meningkatkan dan menjamin pendapatan peneroka walaupun ketika kejatuhan harga minyak sawit.

"Felda yang sudah menjangkau 47 tahun dijangka akan lebih membangun dengan adanya Fardu yang bakal memodenkan hampir satu juta masyarakat Felda di seluruh negara melalui pelbagai perancangan dalam pembangunan ekonomi dan sosial," katanya selepas merasmikan Himpunan Mesra Anak Wawasan Majlis Belia Felda Terengganu Zon Tengah anjuran Jabatan Penerangan negeri dan Majlis Belia Felda Terengganu di Padang Awam Felda Bukit Bading, dekat sini, semalam.

Pada majlis itu juga, Jabatan Penerangan negeri melalui Pengarahnya, Mohd Nasir Salleh, secara rasminya mengumumkan Majlis Belia Felda Terengganu Zon Tengah sebagai anak angkat jabatan itu.

Yusof berkata, sebelum Fardu ditubuhkan, Felda mempunyai Pusat Penyelidikan Tun Razak yang hanya tertumpu kepada penyelidikan untuk meningkatkan mutu pengeluaran minyak kelapa sawit negara.

Katanya, dengan penubuhan Fardu, pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat peneroka akan lebih terarah dan berjaya.

Sementara itu, beliau berkata, Felda merancang membentuk Felda Jaya di 225 tanah rancangan di seluruh negara menjelang 2020, manakala 2010 disasarkan untuk mencapai matlamat menjayakan projek perintis Felda Jaya yang membabitkan tiga kawasan di Pahang, Perak dan Negeri Sembilan.

Beliau berkata, Felda Jaya adalah projek memodenkan penempatan peneroka dengan pelbagai infrastruktur termasuk perumahan moden yang dilengkapi dengan pusat perniagaan, kilang, bengkel perusahaan dan institusi pendidikan.

"Buat permulaan, tiga kawasan rancangan iaitu Mempaga di Pahang, Trolak (Perak) dan Serting (Negeri Sembilan) masing-masing akan dibangunkan dengan 100 unit rumah banglo sebagai rumah contoh dan model kepada pembangunan akan datang," katanya.

Beliau juga berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Seminar Pemimpin-Pemimpin Peneroka, kali pertama diadakan di negara ini yang akan disertai 2,000 pemimpin peneroka, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 14 Jun ini.